

# Malaysia hab utama kejuruteraan dunia 2020

Huraian (Selamat)  
2/2/16  
-bros

**Kuala Lumpur:** ProEight Sdn Bhd (ProEight), pengeluar komponen pengedap mekanikal untuk industri minyak dan gas (O&G) berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab utama pengeluaran dan kejuruteraan dunia menjelang 2020.

Komponen kedap mekanikal adalah sejenis pam khas digunakan dalam industri minyak dan gas serta beberapa industri lain seperti automotif serta pembuatan yang mampu merangsang pengendalian operasi sesuai mesin yang lebih berkesan dengan kekerapan kerosakan minimum.

Pengarah Urusan ProEight, Azhar Zainal Abidin berkata, berdasarkan prestasi perniagaan semasa di samping permintaan dan penawaran yang semakin meningkat di peringkat global untuk pengedap mekanikal, pihaknya melihat sebagai peluang yang perlu diambil ketika ini.

Beliau berkata, walaupun sektor O&G dunia agak merosot sekarang, namun produk serta komponen dihasilkan ProEight sentiasa menunjukkan kedudukan kukuh dalam pasaran antarabangsa dan domestik.



“Setiap tahun kita akan memastikan sebanyak 20 peratus daripada jumlah perolehan syarikat akan terus diagihkan kepada bahagian projek R&D”

**Azhar Zainal Abidin**

“Langkah untuk menjadi hab dunia dalam komponen pengedap mekanikal ini juga dibuat memandangkan dalam pasaran antarabangsa hanya terdapat empat syarikat pengeluaran komponen

ini iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan Jepun untuk industri O&G bagi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat.

“Malah, di rantau ASEAN ini juga kita adalah pemain utama tanpa pesaing lain yang mengungguli bagi pengeluaran komponen ini dengan tempahan paling besar dari Thailand yang sangat berminat dengan produk yang kita tawarkan ini,” katanya.

Di Malaysia, ProEight menguasai 92 peratus pasaran komponen pengedap mekanikal. Komponen itu dinamakan sebagai Flexical yang bertujuan mengurangkan kebojoran sistem paip industri.

Selain itu, ProEight adalah syarikat milik penuh Bumiputera dan antara peserta dalam Program Pembangunan Vendor (VDP) Petroliaam Nasional Bhd (Petronas) yang bertujuan melahirkan syarikat Bumiputera berprestasi tinggi dalam industri O&G.

“Setiap tahun kita akan memastikan sebanyak 20 peratus daripada jumlah perolehan syarikat akan terus diagihkan kepada bahagian projek R&D,” katanya.